

PENERAPAN TULISAN JAWI DALAM KARYA CATAN *DULANG MALIGAY*

THE APPLICATION OF JAWI WRITING IN THE WORK OF DULANG MALIGAY PAINTINGS

Junior Kimwah^{1*}
Intan Munirah Hamzah²

¹Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

²Balai Seni Lukis Sabah (BSLS), Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 14, Jala Shantung, 88300
Kota Kinabau, Sabah, Malaysia

juniorkimwah@ums.edu.my*

Dihantar/Received: 01 Oct 2025 | Penambahbaikan/Revised: 27 Nov 2025
Diterima/Accepted: 12 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7149>

ABSTRAK

Tulisan Jawi telah lama berakar umbi di Malaysia jelas telah mempengaruhi corak kehidupan masyarakat penganut Islam. Perkara ini juga dapat dilihat dalam kebudayaan orang Suluk di Sabah khususnya. Kajian ini memfokuskan karya seni visual iaitu hasil seni catan yang mengaplikasikan tulisan jawi dalam karya catan tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengetengahkan falsafah dan pemahaman terhadap tulisan jawi serta hubung kaitnya dengan kebudayaan masyarakat Suluk. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual dalam mengumpulkan data daripada pelukis Suluk. Teori Kesatuan Organik digunakan dalam mengenal pasti subjek, bentuk dan makna dalam setiap karya yang dipilih. Dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis dua karya yang telah menerapkan tulisan jawi yang digabungkan bersama dengan imej-imej makanan masyarakat tradisional Suluk. Melalui analisis yang dilakukan, karya tulisan jawi yang berlatarkan *Dulang Maligay* merupakan makanan yang dihidangkan selepas majlis khatam Al-Quran. Karya catan ini membawa satu mesej tentang keseimbangan agama dalam aktiviti harian. Karya ini juga merupakan sebuah usaha dalam menyampaikan kesedaran tentang kepentingan tulisan jawi yang semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda Suluk. Secara kesimpulannya, kajian ini menjelaskan makna dalam aspek rupa bentuk tulisan jawi dan falsafah di dalam karya seni catan melalui pendekatan seni moden. Kajian ini dapat menjadi inspirasi kepada khalayak seni serta menjadi rujukan masyarakat generasi akan datang.

Kata Kunci: Catan, *dulang maligay*, falsafah, Kesatuan Organik, tulisan jawi

ABSTRACT

Jawi writing has long been rooted in Malaysia and has clearly influenced the pattern of life of the Muslim community. This can also be seen in the culture of the Suluk people in Sabah, in particular. This study focuses on visual artworks, which are the result of painting art that applies Jawi writing in the painting. The objective of this study is to highlight the philosophy and understanding of Jawi writing and its relationship with the culture of the Suluk community. This study used observational and interview methods in collecting data from Suluk painters. The Theory of Organic Unity is used in identifying subjects, forms, and meanings in each selected work. In this study, the researchers analyzed two works that have applied Jawi writing combined with images of traditional Suluk people's food. Through the analysis carried out, the Jawi writing work set in the Dulang Maligay is the food served after the Quran khatam ceremony. This painting carries a message about the balance of religion in daily activities. This work is also an effort to convey awareness about the importance of Jawi writing, which is increasingly marginalized among the younger generation of Suluk. In conclusion, this study explains the meaning of aspects of the form of Jawi writing and philosophy in the art of painting through the modern art approach. This study can be an inspiration to the art audience and become a reference for the next generation of society.

Keywords: *Painting, dulang maligay, philosophy, Organic Unity, Jawi writing*

PENGENALAN

Kajian tinjauan menunjukkan Jawi dilihat kian terpinggir dan hubungan antara identiti Melayu dan Jawi melemah dalam populasi muda (Saimon *et al.* 2023). Tekanan kepada pembelajaran Bahasa Inggeris dan penggunaan huruf Rumi untuk tujuan pendidikan, ekonomi dan teknologi menyumbang kepada pengurangan ruang untuk Jawi dalam kurikulum dan kehidupan professional (Mohd. Alwee Yusoff, 2005). Implikasinya, peningkatan peminggiran Jawi membawa kepada kemerosotan warisan tulisan dan pengurangan akses kepada bahan-bahan sejarah/keagamaan yang asal (banyak dokumen lama ditulis dalam Jawi) dalam hujah Ahmad, S. *et al.* (2012).

Seni yang berteraskan nilai Islam merupakan sebahagian daripada khazanah kebudayaan Islam, kerana seni Islam bukan sahaja menjadi penyumbang kepada perkembangan tamadun Islam, tetapi juga berfungsi sebagai medium pengabdian kepada Allah ﷻ. Aspirasi ini menjadikan karya seni Islam cenderung berorientasikan spiritual dan berpaksikan prinsip-prinsip kesenian yang menzahirkan konsep tauhid, akhlak dan keindahan (jamāl). Justeru, seni Islam bukan hanya berperanan estetik, tetapi turut membawa mesej dakwah yang berupaya membentuk pemikiran, nilai dan identiti masyarakat.

Hal ini turut ditegaskan dalam laporan akhbar BERNAMA bertarikh 13 Disember 2023, apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan bahawa “*karya seni dan budaya Islam harus terus diperkasakan di bawah konsep Malaysia MADANI*”. Menurut beliau, kerangka MADANI bukan sahaja bertujuan memacu kemajuan ekonomi, tetapi juga memperkukuh seni dan budaya Islam sebagai antara tunggak kebangkitan tamadun di rantau ini. Kenyataan ini mengukuhkan relevansi kajian seni dalam konteks pembinaan masyarakat yang berbudaya, beradab dan berteraskan nilai-nilai keislaman.

Setiap karya seni visual mempunyai teori, struktur dan nilai estetik tersendiri. Bagi seorang pelukis Muslim termasuk pelukis keturunan Suluk di Malaysia yang identitinya turut dipengaruhi Islam, penghasilan karya bukan sekadar penciptaan visual, tetapi suatu manifestasi

penghayatan agama. Maka, estetika Islam menjadi asas kepada pernyataan diri, budaya dan spiritual yang dilafazkan melalui garisan, warna, tekstur dan simbol.

Pengkaji melihat bahawa pelukis dalam kajian ini berkarya dengan berlandaskan kecintaan kepada Allah ﷻ, bukan untuk kepentingan peribadi semata-mata. Simbolisme yang digunakan tidak hanya menzahirkan keindahan, tetapi berfungsi sebagai medium tafakur dan dakwah visual. Karya yang terhasil bersifat inklusif dan universal, kerana mesej nilai, keindahan dan ketuhanan dapat dihargai bukan sahaja oleh masyarakat Islam, tetapi juga oleh khalayak umum.

Seni Islam berakar pada konsep tauhid, yakni pengesaan Allah ﷻ sebagai asas seluruh realiti. Prinsip ini memberi implikasi kepada bentuk visual, termasuk penghindaran penggambaran makhluk bernyawa bagi mengelakkan penyerupaan ciptaan Tuhan. Oleh itu, kaligrafi termasuk tulisan Jawi menjadi satu medium paling unggul dalam ekspresi seni Islam. Kaligrafi bukan sekadar teks, tetapi sebuah bentuk estetika yang menyatukan makna, keindahan dan ibadah.

Dalam konteks ini, penulisan Mohd Fazil Ajak & Nelson Dino (2018) mengenai *maligay* iaitu replika mahligai istana berisi kuih-muih sebagai simbol keikhlasan pihak lelaki menunjukkan bagaimana simbol budaya mempunyai dimensi seni yang signifikan. Hubungan antara simbol dan bentuk visual ini penting dalam sesebuah karya catan yang sarat makna. Melalui penelitian identiti visual, karya seni bergerak daripada makna luaran (ekstrinsik) kepada makna dalaman (intrinsik) melalui proses pengolahan simbol, garisan dan warna oleh pelukis. Ini menunjukkan bahawa kajian seni bukan sahaja memahami bentuk, tetapi menelusuri makna budaya, spiritual dan dakwah yang terkandung di dalamnya.

SOROTAN LITERATUR

Penggunaan tulisan Jawi dalam seni visual Malaysia bukanlah fenomena baharu; ia telah berakar sejak dekad 1960–1980-an dan berkembang sebagai satu bentuk ekspresi moden dalam seni catan. Penelitian awal mendapati bahawa Jawi bukan sahaja digunakan sebagai sistem tulisan, tetapi juga berfungsi sebagai elemen visual yang menyumbang kepada bahasa formalistik karya. Dalam konteks ini, kajian Suzlee Ibrahim & Mohd Ali Azraie Bebit (2016) menunjukkan bagaimana Syed Ahmad Jamal mengangkat huruf Jawi sebagai asas pengayaan abstrak dalam karya *Tulisan* (1964). Huruf-huruf Jawi س-ا-ج (shin-alif-jim), yang merujuk kepada inisial namanya, diolah melalui sapuan berus yang besar dan bersifat ekspresif, menghasilkan dinamika visual yang menekankan gerak, tenaga dan spontaniti. Kajian ini menampilkan huruf Jawi sebagai struktur bentuk yang dipermakna melalui ekspresionisme abstrak.

Karya seni visual yang mengandungi elemen tulisan jawi telah lama bertapak di Malaysia dan telah dihasilkan oleh pelukis-pelukis sekitar 1980an. Dalam penulisan Suzlee Ibrahim & Mohd Ali Azraie Bebit (2016), menjelaskan karya catan abstrak Syed Ahmad Jamal telah mengambil inspirasi tulisan jawi yang menggambarkan awalan huruf pada namanya iaitu S-A-J yang digantikan huruf jawi shin = س, alif = ا dan jim = ج. Karya ini diberi tajuk ‘Tulisan’ (Rajah 1). Huruf jawi yang ringkas ini diterjemahkan dengan sapuan berus ekspresif yang menjadi kekuatan pada catan ini. Beliau menghasilkan pergerakan ekspresif melalui kesan pergerakan berus yang besar, kasar dan bersahaja.



Rajah 1: Syed Ahmad Jamal, Tulisan (1964)

Sumber: Suzlee Ibrahim & Mohd Ali Azraie Bebit (2016)

Kesemua kajian ini menekankan keakraban Syed Ahmad Jamal dengan tulisan Jawi, malah beliau secara konsisten menggunakannya dalam catatan peribadi. Mohd Radzi *et al.* (2022) menghubungkan pendekatan Syed Ahmad Jamal kepada prinsip klasik Plato dan Aristotle bahawa keseluruhan karya seni harus mencipta kesatuan yang melampaui jumlah komponennya. Dalam hal ini, tulisan Jawi bukan sekadar unsur visual, tetapi entiti yang mengikat makna, bentuk dan emosi sehingga melahirkan pengalaman estetika yang holistik.

Sebahagian besar tulisan hanya menumpukan Syed Ahmad Jamal sebagai tokoh utama. Kurang penelitian yang membandingkan pendekatan beliau dengan seniman kontemporari atau seniman dari etnik lain seperti Suluk, Bajau, Kelantan, Aceh atau Nusantara yang turut mengangkat Jawi sebagai bahasa visual. Hal ini menghadkan pembentukan naratif yang lebih luas tentang evolusi Jawi dalam seni visual Malaysia.

Kajian terdahulu lebih berfokus pada aspek formalistik (garisan, warna, bentuk) dan falsafah peribadi seniman, tanpa meneliti peranan tulisan Jawi sebagai medium dakwah, simbol identiti Muslim, atau manifestasi budaya komuniti tertentu seperti masyarakat Suluk di Sabah. Jurang ini penting kerana seni bertulisan Jawi juga berfungsi sebagai ruang artikulasi makna Islam dalam konteks masyarakat majmuk. Sebilangan besar tulisan menggunakan pendekatan deskriptif dan interpretatif tanpa kerangka analisis visual yang tersusun. Model Kesatuan Organik (Bentuk–Subjek–Makna) menawarkan potensi untuk menilai bagaimana Jawi bukan sahaja berfungsi sebagai elemen formal, tetapi sebagai subjek dan pembawa makna yang berinteraksi dengan simbol budaya dan nilai spiritual.

Perbahasan mengenai karya Syed Ahmad Jamal turut diperkukuh oleh kajian Nurnazirah Musa & Harozila Ramli (2014), yang menafsirkan *Senyuman* (2009) sebagai cerminan falsafah zuhud dan kebijaksanaan pelukis tersebut. Menurut mereka, senyuman tidak dipapar secara literal tetapi dizahirkan melalui garisan dan warna yang bersifat mujarrad. Garisan Jawi yang membentuk “senyuman” diterjemah bukan sebagai imejan representasi, tetapi sebagai struktur kaligrafi kontemporari yang memadukan ekspresi spiritual dan estetika moden. Analisis formalistik Nurnazirah (2015) kemudian memperincikan penggunaan warna ceria seperti biru, hijau, ungu dan merah jambu yang mencipta suasana kontemporari, sementara bentuk-bentuk bujur yang menyerupai bulan sabit memperlihatkan hubungan antara khat Jawi dan metafora alam dalam kesenian Islam. Huruf Jawi di sini berfungsi sebagai medan simbolik yang menggabungkan unsur budaya, kerohanian dan abstraksi visual.



Rajah 2: Syed Hamad Jamal, *Senyuman* (2009)
Sumber: Nurnazirah Musa & Harozila Ramli (2014)

Dalam hujah Nurnazirah Musa (2015) menjelaskan dari sudut formalistik melalui catan bertajuk “Senyuman” warna-warna yang digunakan bertepatan dengan maksud yang dihajati. Warna-warna ceria, gemilang memenuhi rupa bentuk dan latar pada komposisi. Biru, hijau, ungu, dan merah jambu telah menjadi warna-warna pilihannya. Persoalan ruang positif dan negatif atau luar dan dalam dikaitkan dengan bentuk-bentuk bujur yang tersirat dengan garisan-garisan yang membentuk huruf jawi tersebut.

Sungguh pun demikian, dari sudut yang lain pula, bentuk-bentuk ini juga adalah bentuk-bentuk bulan sabit yang juga merupakan bentuk khusus dalam catannya. Khat jawi dan alam semula jadi dimurnikan untuk mencapai tahap mujarad yang tinggi kerana hakikatnya “senyuman” itu bersifat mujarad dan penuh rahsia bagi sesiapa yang mengetahuinya.

Penggunaan huruf jawi dalam sebilangan besar karya catan Syed Ahmad Jamal begitu ketara, kerana ia sudah sehati dalam jiwanya dan kerap menulis nota kecilnya dengan menggunakan huruf jawi dengan begitu indah sekali. Mohd Radzi *et al.* (2022) dalam hujahnya dea teori klasik yang diperkenalkan oleh ahli falsafah Yunani terkenal Plato, dalam memaknai karya sastera, yang kemudiannya diperkukuhkan oleh anak muridnya Aristotle, menetapkan bahawa dalam pembinaan objek seni, keseluruhannya mestilah lebih besar daripada jumlah bahagiannya (Ocvrick *et al.*, 2008).

Tulisan Jawi dalam seni catan bertindak sebagai medium untuk melafazkan nilai-nilai Islam melalui estetika dan keindahan. Contohnya, karya Syed Ahmad Jamal yang menggunakan huruf Jawi untuk membentuk karya abstrak menunjukkan bagaimana huruf-huruf tersebut dapat melahirkan makna yang mendalam.

Tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam seni visual Malaysia, terutama dalam karya Syed Ahmad Jamal yang menjadikan huruf Jawi sebagai bahasa estetika abstrak. Namun, kajian-kajian terdahulu masih tertumpu pada satu tokoh dan belum meneliti kepelbagaian penggunaan Jawi rentas budaya, fungsi dakwahnya, atau kedudukannya dalam wacana kesenian Islam kontemporari. Justeru, kajian baharu diperlukan untuk menganalisis bagaimana tulisan Jawi dapat memperkukuh identiti budaya Muslim, termasuk masyarakat Suluk, serta bagaimana ia berfungsi sebagai medium makna yang selari dengan gagasan Malaysia MADANI.


METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian dijalankan dengan mengamati hasil dua catan tersebut secara terperinci. Setiap komponen imej dalam catan dikenal pasti dan direkodkan untuk proses temu bual. Penyelidik telah melaksanakan sesi temu bual bersama pelukis untuk mendapatkan pengesahan data-data hasil proses pemerhatian. Pelukis telah menjelaskan makna dalam konteks kepercayaan Masyarakat Islam Suluk di kampungnya.



Rajah 3: Sesi temu bual bersama pelukis
Sumber: Koleksi penulis

Setiap karya seni visual itu perlu berjaya menyatukan tiga komponen ini iaitu, subjek, bentuk dan kandungan. Ketiga-tiga komponen ini tidak dapat dipisahkan, saling berinteraksi, dan saling berkaitan. Apabila hal ini dicapai, kita dapat menyatakan karya seni visual itu mempunyai kesatuan organik, tidak mengandungi apa-apa yang tidak perlu atau mengganggu, dengan hubungan yang nampaknya tidak dapat dielakkan.



Rajah 4: Teori Kesatuan Organik oleh Ocvrick *et al.* (2001)
[91]

Model teori Kesatuan Organik boleh digunakan sebagai dasar dalam membuat analisis karya catan dengan teratur. Melalui model ini, analisis dapat dijalankan dengan cara yang lebih sistematik bagi memahami kandungan sesebuah karya seni (Junior Kimwah & Faez Huzaini Ramleh, 2023).

Gabungan komponen ini membentuk suatu beentuk kesatuan yang sentiasa hidup dan dinamik seperti organik. Model ini terdiri daripada tiga pecahan iaitu 'bentuk' yang memperkatakan tentang persoalan 'bagaimana' karya catan diolah. 'Subjek' memperkatakan tentang persoalan 'apa' yang ingin ditunjukkan pada karya catan. 'Makna' pula memperkatakan tentang persoalan 'kenapa' karya tersebut dihasilkan.

A. Bentuk

Bentuk merujuk kepada keseluruhan organisasi atau komposisi sesuatu karya. Ianya terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu unsur seni dan prinsip rekaan. Kedua-dua bahagian ini memainkan peranan yang amat penting dalam pengolahan subjek bagi penghasilan seni yang bermakna. Penampilan sesuatu karya adalah hasil daripada penggunaan unsur-unsur seni yang diolah dengan penggunaan prinsip-prinsip seni.

B. Subjek

Penampilan subjek karya yang menarik dan berkesan adalah lahir daripada olahan unsur dan prinsip rekaan yang efektif sebagaimana yang hendak diluahkan oleh pengkarya sama ada secara logic ataupun intuitif. Perkembangan dalam hubungan antara prinsip dan unsur seni ini mampu mengarap sesuatu perasaan dan maksud tersirat terhadap keseluruhan organisasi sesuatu karya catan sama ada karya realistic mahupun abstrak. Kandungan selain daripada merujuk kepada emosi dan mesej intelek atau ekspresi pengkarya, ia boleh juga dirujuk sebagai pengalaman personal seseorang pengkarya yang lebih mudah difahami jika mempunyai pengalaman yang sama dengannya.

C. Isi atau Makna

Makna oleh dikesan menerusi imej-imej daripada subjek. Namun, ia lebih berkesan jika imej-imej ini disepadukan dengan jayanya oleh olahan prinsip seni. Berbeza dengan karya yang bersifat abstrak yang sukar difahami dan sering kali menimbulkan kekeliruan untuk mengungkap kandungan yang tersirat. Gaya merangkumi kepada watak atau cara yang dibawa oleh pelukis di dalam karya mereka. Hal ini boleh dikatakan sebagai satu cabang kepada pendekatan seseorang pengkarya menghasilkan karya dengan berlandaskan kepada maklumat yang interaktif.

Ketiga-tiga komponen ini dapat menterjemah karya catan dengan mengupas inti pati berikut secara teratur. Konsep Kesatuan Organik Adalah sebuah teori yang boleh menjelaskan makna yang hendak disampaikan oleh pelukis. Penyelidik memilih teori ini agar karya *Dulang Maligay* dapat difahami oleh masyarakat dan menghargai seni bertema Islam sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI masa kini.



Rajah 5: Reka Bentuk Kerangka Teori Model Kesatuan Organik

Berlandaskan gabungan kaedah pemerhatian, temu bual dan kerangka teori Kesatuan Organik, metodologi kajian ini bukan sahaja memastikan ketepatan data, tetapi turut memperkukuh kebolehpercayaan analisis terhadap makna yang terhasil dalam seni visual Islam. Pendekatan dua lapis pemerhatian terperinci terhadap komponen visual dan pengesahan makna melalui temu bual artis membolehkan penyelidik menangkap hubungan dinamik antara bentuk, subjek dan makna secara lebih holistik.

Penggunaan Model Kesatuan Organik pula menyediakan landasan analitis yang sistematik untuk menelusuri persoalan *apa*, *bagaimana* dan *mengapa* dalam struktur karya, sekali gus mengelakkan tafsiran bersifat spekulatif. Melalui penyepaduan kaedah ini, kajian bukan sahaja mampu menjelaskan simbolisme dan nilai spiritual yang terkandung dalam karya *Dulang Maligay*, tetapi juga menyumbang kepada wacana seni visual Islam yang lebih kritis, kontekstual dan relevan dengan gagasan Malaysia MADANI.

Dengan demikian, metodologi ini berupaya menghasilkan analisis yang berimpak tinggi, setepatnya mendedahkan bagaimana seni visual Islam terus berkembang sebagai medium pengungkapan identiti, kepercayaan dan pengalaman komuniti Muslim di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Analisis karya *Dulang Maligay I* dan *Dulang Maligay II* melalui Model Kesatuan Organik—yang menyatukan Bentuk, Subjek dan Makna—menunjukkan bagaimana visual seni budaya Suluk dapat dibaca bukan sekadar sebagai representasi estetik, tetapi sebagai teks budaya yang mengandungi nilai dakwah, identiti dan sejarah. Sorotan literatur seni Islam menegaskan bahawa prinsip geometri, arabesque dan kehalusan komposisi berfungsi sebagai “tatanan kosmik” yang memanifestasikan tauhid dan keteraturan ciptaan (Nasr, 1987; Burckhardt, 2009). Dapatan kajian

ini bukan sahaja selari dengan literatur tersebut, tetapi turut memperluasnya melalui konteks baharu: pengolahan visual tradisi *Maligay* sebagai medan dakwah budaya dalam masyarakat Suluk di Sabah.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa seni Islam menolak naturalisme figuratif dan memberi penekanan kepada geometri, ritma ulangan, cahaya-gelap serta kesepaduan komposisi sebagai manifestasi spiritual (Wan Soliana Wan Md. Zain *et al.* 2024). Dapatan kajian ini mengesahkan prinsip tersebut melalui penggunaan simetri dan ulangan motif (melambangkan keteraturan Ilahi), pencahayaan kontras sebagai simbol transendensi, dan penghindaran figuratif demi mematuhi adab visual Islam.

Namun dapatan kajian ini melangkaui literatur sedia ada kerana ia menunjukkan bahawa fungsi bentuk bukan hanya sebagai simbol ketuhanan, tetapi sebagai alat penyusunan naratif budaya. Dalam *Dulang Maligay*, geometri dan ritma bukan sekadar estetika spiritual, ia mengatur hubungan antara hidangan, dulang, dan ruang ritual sehingga membentuk satu “struktur makna” yang menghubungkan budaya Suluk dengan nilai Islam. Inilah jurang yang ditangani kajian ini: literatur seni Islam jarang mengupas bagaimana estetika Islam disesuaikan dalam tradisi etnik serantau seperti Suluk di Sabah.

Literatur mengenai masyarakat Suluk terutama dalam konteks budaya ritual (Ladja E. 2024) menekankan bahawa adat mereka sering menggabungkan unsur adat dan agama. Namun kajian terdahulu tidak memberikan tumpuan khusus kepada *Maligay* sebagai objek seni visual, apatah lagi sebagai alat dakwah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa subjek makanan dan dulang bukan sekadar ikon budaya, tetapi lambang ihsan, rezeki, dan rasa syukur. Pilihan objek oleh pelukis adalah hasil pengalaman peribadi (*experiential knowledge*), selaras dengan teori Kesatuan Organik yang menekankan hubungan kait antara pengalaman, motivasi dan pembentukan visual. Seni ini berfungsi sebagai dakwah tidak langsung (*soft da 'wah*) melalui keindahan, kesantunan visual dan ingatan terhadap tradisi keagamaan seperti khatam al-Quran.

Kajian seni etnik di Malaysia jarang meneliti bagaimana karya kontemporari berfungsi sebagai penghubung antara adat, dakwah dan identiti kelompok minoriti Muslim. Literatur warisan budaya menekankan konsep “*cultural continuity*” dalam komuniti Nusantara, termasuk hubungan kait antara Filipina Selatan, Sabah dan kepulauan Melayu (Reid 2015; Sather 2012). Namun kebanyakannya hanya membincangkan adat dari sudut antropologi dan sejarah, bukan seni visual. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa makna *Dulang Maligay* melangkaui fungsi estetika kepada pernyataan identiti serantau, mencerminkan hubungan sejarah Tausug–Melayu–Islam. Turut berfungsi sebagai arkib visual, merakam makna sosial makanan, ritual dan konsep kekeluargaan. *Dulang Maligay* menjadi medium untuk mengartikulasikan hubungan silang budaya Asia Tenggara, khususnya dalam mobiliti tradisi, makanan dan nilai keagamaan.

Hal ini mengisi jurang kajian yang ketara: tiada kajian seni visual yang secara sistematik menghubungkan ritual *Maligay* dengan pembentukan identiti serantau Muslim Asia Tenggara melalui kerangka teori visual. Model Kesatuan Organik membuktikan keberkesanannya di sini dengan memperlihatkan bagaimana bentuk (geometri), subjek (dulang dan makanan) dan makna (identiti serantau) berfungsi sebagai satu ekosistem makna yang organik dan hidup. Kajian ini menunjukkan bahawa seni Islam di Malaysia tidak lagi terbatas pada kaligrafi dan abstraksi formal, tetapi dapat berkembang melalui penterjemahan adat tempatan ke dalam bahasa visual Islamik. Ini mencabar naratif lama yang menyempitkan seni Islam kepada bentuk-bentuk konvensional. Karya *Dulang Maligay* berfungsi sebagai medium pemeliharaan warisan Suluk yang jarang direkodkan dalam bentuk seni catan kontemporari. Visual ini memberi legitimasi baharu kepada budaya minoriti dan menyusunnya dalam wacana nasional seni Malaysia.

Kajian ini membuktikan bahawa seni boleh menjadi alat dakwah yang lembut tetapi efektif, visual mampu menghidupkan kembali minat generasi muda terhadap Jawi, adat dan ritual budaya, serta pendidikan seni boleh mengintegrasikan unsur budaya serantau dan seni Islam sebagai satu pedagogi holistik. Keberkesanan analisis menggunakan Model Kesatuan Organik


menunjukkan bahawa teori ini sesuai untuk memahami karya seni yang menggabungkan simbol budaya, adat dan spiritual, ia turut menyediakan kerangka sistematik yang mengatasi bias formalistik Barat, dan boleh digunakan sebagai model analisis tempatan yang lebih kontekstual dan dekolonial.

Karya ini mendukung agenda Malaysia MADANI melalui pengukuhan nilai rahmah, ihsan dan kesepaduan budaya, di samping menonjolkan kepelbagaian etnik Muslim Sabah sebagai komponen penting naratif kebangsaan, dan menghasilkan visual yang mempromosikan keharmonian dan identiti multietnik tanpa menjejaskan akidah. Kajian ini menyelarikan prinsip seni Islam, adat *Maligay*, dan teori Kesatuan Organik untuk membangunkan satu bacaan visual yang mendalam, kontekstual, dan signifikan secara budaya. Ia mengisi jurang kajian dengan mengetengahkan hubungan antara seni, adat dan dakwah budaya, pemerksaan warisan minoriti Suluk melalui seni visual dan pembentukan makna dalam karya kontemporari yang berakar pada identiti Islam Nusantara.

Implikasi kajian menunjukkan bahawa seni bukan sekadar estetika ia adalah alat pemaknaan sosial, arkib budaya dan wahana dakwah yang berkesan dalam masyarakat pelbagai etnik Malaysia. Prinsip seni Islam mengutamakan pola geometri dan *arabesque* yang mencerminkan ketertiban dan harmoni alam semesta yang dicipta oleh Allah. Corak ini sering digunakan bersama kaligrafi untuk menciptakan karya yang kompleks dan bermakna. Dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial, politik, dan keagamaan yang kompleks, para ulama dan pemimpin agama sering kali terpaksa berhadapan dengan tekanan dan kompromi (Syed Jaafar, S. M. J., Man, S., Pauzi, N., Jamaluddin, M. H., & Harun, M. S. 2024).

Setiap tajuk yang diberikan untuk karya tentunya mempunyai isu atau tema cerita, dan objek yang dipilih mempunyai tujuan atau maksud yang tersendiri. Pengulangan dan bentuk-bentuk yang sama dari alam tidak bermaksud mendukung satu makna sahaja tetapi boleh mendukung pelbagai makna berdasarkan keperluan komposisi. Dalam catan bertajuk *Dulang Maligay* membawa makna yang telah dikaji oleh pelukis Mohamad Syeikhal Alah sebelum meletakkan imej-imej tertentu di dalam karya.

Dulang Maligay, yang merupakan tradisi masyarakat Suluk di Sabah. Karya seni ini dianggap sebagai satu bentuk dakwah yang tidak begitu ketara, tetapi dinilai oleh pelbagai aspek manusia dan bertujuan untuk masyarakat. Ia menunjukkan keseimbangan antara aspek keagamaan dan aktiviti harian, dan juga berfungsi untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda Suluk.



Rajah 6: *Dulang Maligay I* (2025) Akrilik dan Pen. Saiz 91 x 91 cm

Sumber: Koleksi penulis

Karya catan bertajuk *Dulang Maligay* ini merupakan adat tradisi suku kaum Suluk dari segi budaya. Karya ini menunjukkan upacara keagamaan iaitu Tammat yang lebih dikenali sebagai majlis khatam Al-Quran. *Dulang Maligay* ini mempunyai pandangan unik yang boleh menarik perhatian kepada audiens dengan kepelbagaian jenis makanan yang menunjukkan keharmonian sesuatu majlis. Oleh itu, dengan dulang tersebut dapatlah majlis tersebut diraikan secara tradisi setelah majlis khatam Al-Quran selesai.

Jadual 1: Analisis Karya Catan *Dulang Maligay I*

Elemen	Analisis
Bentuk	 MASHALLAH Penggunaan geometri, ulangan, simetri sebagai lambing ketertiban Ilahi. Hubungan antara teknik sapuan, tekstur dan intensity warna terhadap Kesan spiritual.
Subjek	Subjek budaya <i>maligay</i> sebagai lambang keikhlasan dan adat perkahwinan Suluk. <i>Dulang Maligay</i> merujuk kepada pemberian Ikhlas yang disifatkan sebagai nilai ihsan. Subjek ini adalah gambaran pengalaman peribadi pelukis Muslim. Seni visual dalam Islam, seperti yang dicontohkan dalam karya <i>Dulang Maligay</i>, juga berfungsi sebagai alat dakwah. Ia dapat menyampaikan mesej dan nilai-nilai Islam kepada khalayak yang lebih luas, menjadikannya rujukan bagi masyarakat akan datang.
Isi/Makna	Pada umumnya, <i>Maligay</i> memainkan peranan penting dalam memajukan kefahaman silang budaya dan antara agama dalam kalangan warga Filipina dan Asia Tenggara, khususnya dalam kalangan penduduk Tausug. Walaupun tidak diwajibkan dari sudut agama, ia telah menenun dirinya dengan lancar ke dalam fabrik warisan Tausug, yang merangkumi kedua-dua keunikan etnik dan kebersamaan kolektif mereka. Penggabungan <i>Maligay</i> ke dalam perayaan perkahwinan mencerminkan standard komunal dan mewujudkan tradisi bersama dengan penduduk Melayu di Sabah, memudahkan pertukaran silang budaya dan pemahaman bersama. Sebagai cara untuk mengekalkan identiti sosio-budaya mereka, <i>Maligay</i> juga menyerlahkan hidangan lazat dan amalan masakan asli mereka. Dalam konteks yang lebih luas, penerimaan dan kekagumannya oleh pelbagai kumpulan menyumbang kepada kekaguman dan kekaguman timbal balik, seterusnya mengukuhkan perpaduan di seluruh Filipina Selatan dan rantau ASEAN secara keseluruhan.

Seni yang mempunyai nilai Islam berkait rapat dengan kebudayaan Islam. Ia adalah penyumbang kepada tamadun Islam dan berobjektifkan untuk Allah SWT. Inspirasi ini menjadikan karya-karya seni tersebut lebih cenderung ke arah spiritual dan berpegang pada

prinsip-prinsip seni Islam. Karya yang dihasilkan membawa makna yang mendalam. Contohnya, seni Islam tidak menggunakan imej atau objek bernyawa kerana ia bertentangan dengan konsep tauhid. Jelas sekali, pengkarya menghasilkan karya yang melafazkan Islam berdasarkan keindahan dan estetika. Karya seni ini juga boleh menjadi rujukan kepada generasi akan datang dan membantu memelihara warisan tempatan agar tidak hilang ditelan zaman.



Rajah 7: Dulang Maligay II (2025) Akrilik dan Pen. Saiz 91 x 91 cm
 Sumber: Koleksi penulis

Pengolahan yang dilakukan dengan baik dan karya ini sangat tersusun dalam menyampaikan maksudnya, khalayak pastinya akan tertanya-tanya apabila melihat tajuk catan ini namun apabila melihat komposisi dan makna disebalik catan ini, khalayak akan dapat memahami dengan jelas apa yang disampaikan melalui catan yang ditafsirkan sebagai dokumen sejarah dalam dunia seni lukis negara.

Jadual 2: Analisis Karya Catan *Dulang Maligay II*

Elemen	Analisis
Bentuk	 SUBHAN ALLAH Penghindaran imej bersifat figurative mengikut nilai seni Islam. Penggunaan chaya-gelap sebagai simbol ketuhanan, harapan atau kerohanian.
Subjek	Bagaimana budaya ini menzahirkan nilai Masyarakat Muslim Malaysia di Sabah. Kuih-muih manis merujuk kepada kemanisan pernikahan, iaitu sebuah nilai sakinah, mawaddah dan rahmah. Elemen yang mencerminkan kecintaan kepada Allah, nilai tauhid, atau pengalaman spiritual. Alam semula jadi menjadi rujukan utama bagi seniman Islam untuk memahami bentuk dan

	maknanya, yang kemudian diterjemahkan ke dalam karya seni. Ini selaras dengan teori-teori seperti Kesatuan Organik, yang menegaskan bahawa setiap karya seni perlu menyatukan subjek, bentuk, dan kandungan untuk mencapai makna yang menyeluruh.
Isi/Makna	Lebih daripada itu, hidangan dan masakan istimewa yang ditawarkan dalam troli makanan hampir sama atau sekurang-kurangnya sudah biasa dengan masyarakat Asia Tenggara dalam soal cita rasa. Disebabkan hakikatnya, umat Islam menggemari makanan pedas dan karipap. Melangkaui idea bahawa perdagangan mungkin telah menyebabkan hubungan di kalangan umat Islam yang akhirnya mewujudkan pelbagai penyesuaian budaya termasuk makanan atau apa sahaja yang sesuai dengan keperluan kumpulan tertentu. Sehingga hubungan itu berkembang ke hadapan kepada pengaruh berturut-turut dalam penyediaan kemahiran masakan dan kaedah memasak campuran. Selalunya menggabungkan hidangan asli yang terkenal dengan makanan panas di kalangan Tausug juga merupakan makanan kegemaran bagi Malaysia, Indonesia, dan Brunei.

Tidak salah jika pelukis mengambil ia sebagai rujukan utama dalam beliau berkarya apabila jalan yang ingin beliau cari telah beliau temui iaitu berkarya juga adalah satu kaedah dalam berdakwah walaupun ia tidak begitu ketara namun kesenian itu dinilai oleh pelbagai sifat manusia dan sebagaimana yang diterapkan dalam seni untuk masyarakat. Seni yang mempunyai nilai Islam berkaitan dengan kebudayaan Islam, ini kerana seni Islam juga adalah penyumbang kepada tamadun Islam dan ia adalah bertujuan kerana Allah taala. Inspirasi ini terus membuatkan karya-karya catan ini lebih menjurus ke arah spiritual dan berpaksi kepada prinsip-prinsip kesenian Islam.

Apabila mempertimbangkan kesan *Maligay* dan kaitannya dengan masyarakat Asia Tenggara, tiga kemungkinan hasil boleh dikenal pasti. Pertama, hubungan sejarah dalam rantau Asia Tenggara (SEA) telah mengekalkan hubungan jiran melalui reaksi berantai dalam proses migrasi dan pertukaran budaya. Ini telah menyumbang kepada kesalinghubungan budaya di rantau ini, di mana tradisi *Maligay* mungkin mengandungi unsur-unsur yang mencerminkan hubungan budaya ini. Kedua, penghantaran pertukaran budaya telah berlaku di rantau SEA, dan *Maligay*, sebagai adat perkahwinan di kalangan Tausug, mungkin mewakili warisan budaya eksklusif rakyat Filipina dalam wilayah SEA yang lebih luas.

Ketiga, identiti wilayah di rantau SEA adalah berasaskan perpaduan dan perpaduan di kalangan rakyat melalui pemahaman tentang kepelbagaian budaya. Oleh itu, ia menyerlahkan persamaan budaya di seluruh rantau ini, menekankan kekayaan dan kemeriahan budaya dan masyarakat. Menggambarkan bagaimana *Maligay* di Jolo dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya Melayu Islam dan pribumi menambahkan lagi permaidani amalan yang pelbagai, seperti penyediaan makanan dan hadiah pengantin

KESIMPULAN

Analisis karya *Dulang Maligay* melalui Model Kesatuan Organik (Bentuk–Subjek–Makna) memperlihatkan bagaimana karya ini bukan sekadar representasi visual budaya Suluk, tetapi sebuah “ekologi makna” yang menyatukan unsur seni Islam, adat tradisi dan mesej sosial kontemporari. Penemuan kajian ini berhubung rapat dengan literatur yang menekankan bahawa

seni Islam terbina pada prinsip ketauhidan, anti-figurat dan integrasi geometri sebagai metafora keteraturan Ilahi (Ishak & Hassan Mydin, 2025). Dalam konteks ini, penggunaan tulisan Jawi dalam karya bukan hadir sebagai elemen dekoratif, tetapi sebagai penanda identiti, warisan dan dakwah.

Dapatan menunjukkan bahawa tulisan Jawi, apabila dipadukan dengan simbol makanan dan ritual selepas khatam al-Quran, mencipta hubungan visual yang menyeimbangkan nilai agama dengan kehidupan harian masyarakat Suluk—selari dengan dapatan Syed Jaafar *et al.* (2024) mengenai tekanan dan cabaran sosial-keagamaan masyarakat Muslim kontemporari. Integrasi ini juga mencerminkan usaha pelukis untuk memperkukuhkan kembali peranan Jawi yang semakin terpinggir dalam komuniti muda Suluk, menjadikan karya seni sebagai medium pemulihan literasi budaya dan Islam.

Dari aspek subjek, pemaparan hidangan *Maligay* memperlihatkan pengalaman peribadi pelukis yang didasari kearifan tempatan, sekali gus mengukuhkan pandangan literatur bahawa seni Islam sering berakar pada pengamatan alam dan pengalaman spiritual sebagai sumber tafsir visual (Burckhardt, 2009; Nasr, 1987). Pengolahan bentuk—melalui simetri, ulangan, pencahayaan serta penghindaran figuratif—menunjukkan kepatuhan pelukis terhadap prinsip tauhid, iaitu menjauhkan penyerupaan makhluk bernyawa. Ini menguatkan hujah Ishak & Hassan Mydin (2025) bahawa estetika Islam terbina daripada kesedaran teologis, bukan semata-mata gaya visual.

Dapatan makna pula menunjukkan bahawa *Dulang Maligay* bukan hanya melambangkan adat Suluk tetapi turut menggambarkan hubungan silang budaya Nusantara. Penegasan kepada makanan dan simbol perayaan mengukuhkan literatur yang menempatkan budaya Tausug dalam jaringan warisan serantau Asia Tenggara (Sather, 2012; Reid, 2015). Pelukis memperlihatkan bagaimana tradisi ini berkembang melalui interaksi antara adat, dakwah, dan identiti Muslim serantau—jurang kajian yang sebelum ini kurang diterokai dalam kajian seni visual kontemporari Malaysia.

Keseluruhannya, dapatan kajian mengukuhkan hakikat bahawa karya ini berfungsi sebagai ruang dakwah visual, arkib budaya, dan wacana identiti Islam Nusantara, sejajar dengan usaha memartabatkan warisan tempatan yang diangkat oleh Mohamad Akhir *et al.* (2025). Kesatuan antara bentuk, subjek dan makna inilah yang menzahirkan nilai organik dan spiritual karya, menempatkannya sebagai rujukan berimpak kepada masyarakat Suluk dan Malaysia secara lebih luas.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa *Dulang Maligay* merupakan sebuah karya yang menghimpunkan keindahan estetik, kedalaman spiritual dan kekayaan budaya dalam satu kesatuan visual yang organik dan dinamik. Melalui penerapan Model Kesatuan Organik, kajian ini berjaya menunjukkan bagaimana bentuk-geometri Islam, subjek makanan tradisi Suluk dan makna identiti serta dakwah berpadu menjadi bahasa visual yang bukan sahaja indah, tetapi juga sarat nilai keagamaan dan budaya.

Karya ini memperlihatkan bahawa seni Islam tidak terhad pada kaligrafi atau abstraksi spiritual, tetapi mampu berkembang melalui pengolahan adat tempatan secara beretika dan berteologi. Penggunaan tulisan Jawi memperkukuhkan mesej bahawa warisan literasi Islam bukan untuk dipandang sebagai nostalgia, tetapi sebagai komponen penting pembinaan identiti masyarakat Muslim Malaysia hari ini. Melalui dapatan ini, kajian berjaya mengisi jurang

penyelidikan tentang bagaimana seni visual kontemporari boleh menjadi medium pemeliharaan warisan minoriti, sekaligus bertindak sebagai agen dakwah lembut yang relevan dalam masyarakat moden.

Secara lebih luas, kajian ini mengangkat karya *Dulang Maligay* sebagai representasi seni Islam Nusantara yang wajar diperluas kajiannya dalam konteks pendidikan, dasar budaya dan pemeraksanaan masyarakat. Pendekatan pelukis dalam menyatukan adat, keagamaan, dan estetika membuktikan bahawa seni mampu menjadi jambatan antara generasi—menghubungkan memori tradisi dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan ihsan, rahmah dan keberadaban budaya. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan wacana seni visual tempatan, tetapi memperkukuhkan kedudukan seni sebagai wahana pembentukan identiti, pemeliharaan warisan dan penyebaran nilai Islam secara berhemah dan berkesan.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Abdul Rahim, M. H. (2012). CABARAN SEMASA TULISAN JAWI SEBAGAI WARISAN MASYARAKAT PERADABAN BANGSA MELAYU. *Journal of Techno-Social*, 4(2).
- Burckhardt, T. (2009). *Art of Islam: Language and meaning*. World Wisdom.
- Ishak, S. N., & Hassan Mydin, S. A. (2025). Elemen Tawhidik Dalam Perbincangan Ilmu Geometri Karya Tokoh Islam: Analisis Terhadap Kitab al-Hiyal oleh al-Farabi: Tawhidic Elements in the Geometric Discussion by Islamic Scientist: An Analysis on al-Hiyal's Book by al-Farabi. *Journal of Al-Tamaddun*, 20(1), 171–188. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol20no1.13>
- Junior Kimwah, & Faez Huzaini Ramleh. (2023). INTERPRETATIONS OF SYLVESTER JUSSEM PAINTING THROUGH ORGANIC UNITY APPROACHES. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 13(2). <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.4741>
- Ladja, E. (2024). *Maligay: An iconic Tausug traditional token for Pagtammatt in the Sulu Archipelago*. Southeastern Philippines Journal / University Repository.
- Mohamad Akhir, N. S., Ismail, S., & Mohd Yusof, A. S.. (2025). Manuskrip Melayu MSS255 Al-Durr al-Nafis: Suatu Kajian dan Analisis Teks Kitab Tasawuf Nusantara: Malay Manuscript MSS255 Al-Durr al-Nafis: A Study and Text Analysis of the Sufi Book of the Malay Archipelago. *Journal of Al-Tamaddun*, 20(1), 321–336. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol20no1.22>
- Mohd Fazil Ajak & Nelson Dino. (2018). PIS: Pemikiran dan Identiti Suluk. Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS) Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Mohd Radzi, F., Mohammad Noh, L. M., Abd Razak, H., Dasuki, S., & Karimon, N. A. (2022). Analisis Metafora Dakwah dan Nilai-Nilai Murni Menerusi Karya Rejabhad “Tan Tin Tun”. *Proceedings Borneo Islamic International Conference EISSN 2948-5045*, 13, 201-210.
- Mohd. Alwee bin Yusoff. 2005. Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya dalam Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. Bil.21.
- Nasr, S. H. (1987). *Islamic art and spirituality*. Golgonooza Press.
- Nurnazirah Musa & Harozila Ramli. (2014). Identiti Melayu dalam Catan Syed Ahmad Jamal. *Jurnal Seni*

- Nurnazirah Musa. (2015). Interpretasi Intrinsik dalam Karya Catan Syed Ahmad Jamal Tahun 1950an-2000. Tesis Sarjana Seni (Seni Halus) Mod Penyelidikan. Fakulti Seni, Komputer dan Industri Kreatif. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ocvirk, O. G., Stinson, R. E., Wigg, R., Bone, R. O., & Cayton, D. L. (2013). *Art Fundamentals: Theory and Practice*. Twelfth Edition. School of Art, Bowling Green State University. McGraw-Hill, Avenue of the Americas, New York.
- Reid, A. (2015). *A History of Southeast Asia: Critical Crossroads*. Chichester, UK: Wiley-Blackwell.
- Saimon, A., Sheikh Mohd Fauzi, S. N., Zafri, N. Z., Ibrahim, N. A. I., & Abd Halim, N. A. (2023). Tahap penguasaan Tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun 4 di sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA*, 14(2), 71–82. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.6.2023>
- Sather, C. (2012). Recalling the dead, revering the ancestors: Multiple forms of ancestorship in Saribas Iban society. In P. Couderc & K. Sillander (Eds.), *Ancestors in Borneo Societies: Death, Transformation and Social Immortality* (pp. 114–152). Copenhagen: NIAS Press.
- Suzlee Ibrahim & Mohd Ali Azraie Bebit. (2016). Idea Tempatan dalam Catan Abstrak. Conference Proceeding: 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2016).
- Syed Jaafar, S. M. J. S., Man, S., Pauzi, N., Jamaluddin, M. H., & Harun, M. S. (2024). *Sumbangan Izz al-Din Ibn Abd Salam (m. 660H) dalam Perkembangan Sejarah dan Tamadun Islam* [The Eminence of Izz al-Din Ibn Abd Al-Salam (d. 660H) in the Development of Islamic History and Civilization]. *Journal of Al-Tamaddun*, 19(2), 1–15.
- Wan Soliana Wan Md. Zain, Marzuki Ibrahim, Salwa Ayob, Noor Hafiza Ghazali, Rushana Sulaiman. (2024) Simbolik Geometri dalam Catan Sulaiman Esa melalui Prinsip Seni Islam. *International Journal of Arts & Design (IJAD)*, Volume 8(2). Universiti Teknologi Mara